


Kepentingan Terbaik Kanak-kanak: Isu & Cabaran



SIMPOSIUM KEBANGSAAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK 2004

**The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang
21 – 22 Julai 2004**

BERMAIN DAN HUBUNGAN RAKAN SEBAYA DALAM PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

PROF. MADYA DATIN SALMA ISHAK
Ketua Jabatan Kerja Sosial
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia
Universiti Utara Malaysia
Tel: 04- 928 3890 Fax: 04-928 3898
E-Mail: salma@uum.edu.my



KERTAS KERJA • SESI 3C

BERMAIN DAN HUBUNGAN RAKAN SEBAYA DALAM PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

SALMA ISHAK
Jabatan Kerja Sosial
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia
Universiti Utara Malaysia

Bermain adalah satu sifat semulajadi kanak-kanak, khususnya kanak-kanak dalam lingkungan umur 4 dan 5 tahun. Pada peringkat ini, sebahagian besar daripada aktiviti bermain melibatkan rakan-rakan sebaya yang terdapat di kawasan tempat tinggal ataupun di pusat-pusat didikan/asuhan kanak-kanak. Kajian-kajian telah menunjukkan bermain menyumbang kepada pelbagai aspek perkembangan kanak-kanak, sama ada dari aspek fizikal/motor, sosial, kognitif, dan juga emosi. Tujuan kertas kerja ini ialah untuk membincang tingkahlaku bermain dan hubungan rakan sebaya di kalangan kanak-kanak di sebuah prasekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak menunjukkan kecenderungan memilih rakan-rakan tertentu untuk bermain. Perkara yang hendak ditonjolkan di dalam kertas kerja ini ialah terdapat kanak-kanak yang menerima penilaian yang negatif oleh kanak-kanak lain, yang mana mereka ini tidak dipilih sebagai rakan untuk bermain. Keadaan seperti ini boleh menjejaskan perkembangan yang sihat dan boleh meninggalkan kesan negatif ke atas penyesuaian sosial dan emosi mereka selanjutnya. Ibu bapa, guru-guru di prasekolah, ataupun orang dewasa lain yang berkenaan seharusnya memainkan peranan dengan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan peluang-peluang disediakan bagi membantu kanak-kanak yang mengalami masalah bermain dan berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya.

Pengenalan

Bermain adalah satu sifat semulajadi kanak-kanak, khususnya kanak-kanak dalam lingkungan umur 4 dan 5 tahun. Apabila ada kesempatan, mereka akan bermain. Pada peringkat umur empat dan lima tahun ini, aktiviti bermain berada pada tahap kemuncak. Pada masa ini juga sebahagian besar daripada aktiviti bermain melibatkan rakan-rakan sebaya. Ini dimudahkan dengan adanya peluang-peluang untuk berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya yang terdapat di kawasan tempat tinggal ataupun di pusat-pusat didikan/asuhan kanak-kanak. Bagi segolongan kanak-kanak yang berada dalam lingkungan umur ini, sebahagian daripada kehidupan seharian mereka dihabiskan di pusat-pusat pendidikan prasekolah. Pada tahun 2000, terdapat seramai 399,980 kanak-kanak dalam lingkungan umur 5 tahun yang menghadiri pusat-pusat pendidikan prasekolah. Berdasarkan perangkaan ini, ia merangkumi seramai 63.7 peratus daripada kanak-kanak dalam lingkungan umur lima dan enam tahun. Bilangan ini dijangka meningkat kepada lebih kurang 549,000 menjelang tahun 2005 supaya mencapai sasaran 75.0 peratus (Eighth Malaysia Plan 2001-2005). Ini bermakna sebilangan yang besar kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini berada di pusat-pusat prasekolah. Bagi kanak-kanak ini, pusat-pusat prasekolah menyediakan satu konteks untuk sosialisasi dan pengalaman-pengalaman bermain dengan adanya rakan-rakan sebaya bersama mereka sepanjang masa mereka berada di prasekolah. Bermain secara berkelompok kecil dan bermain secara berkumpulan besar merupakan bentuk bermain yang kerap berlaku.

Bentuk bermain seperti ini memerlukan dan menggalakkan kanak-kanak berhubung di antara dengan yang lain.

Oleh sebab bermain merupakan satu aktiviti yang penting di dalam kehidupan kanak-kanak, maka ia tidak boleh dibiarkan berlaku secara tersendiri tanpa perhatian, sokongan, dan galakan. Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa bermain menyumbang kepada pelbagai aspek perkembangan kanak-kanak, khususnya perkembangan fizikal/motor, sosial, kognitif, kreativiti, emosi, dan juga ada kaitan dengan pencapaian akademik (Babcock, Hartle & Lamme, 1995; Hartup, 1992; Kagan, 1990; Klugman & Smilansky, 1990). Hakikatnya, kanak-kanak perlu bermain supaya ia boleh berkembang dengan sempurna. Dengan itu, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak telah menggariskan bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk bermain, khususnya Perkara 31 yang menyatakan bahawa “kanak-kanak mempunyai hak kepada masa lapang, bermain dan menyertai aktiviti kebudayaan dan kesenian” (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2004).

Menjalin hubungan di kalangan rakan sebaya adalah satu aspek penting dalam perkembangan kanak-kanak di peringkat umur 4 – 6 tahun. Seperti juga dengan bermain, mempunyai rakan-rakan dan ikatan persahabatan adalah penting bagi kanak-kanak, terutamanya bagi perkembangan sosial (Graham, Cohen, Zbinowski, & Secrist, 1998; Ray & Cohen, 1996; Hartup, 1992). Ini membawa kepada perasaan kekitaan yang menyumbang kepada konsep-kendiri yang positif (Graham et al., 1998; Bonn & Kruger, 1996). Daripada kajian-kajian, telah ditunjukkan bahawa hubungan sosial yang positif mempunyai perkaitan dengan motivasi pencapaian yang seterusnya mempunyai pengaruh yang besar ke atas kejayaan pembelajaran (Bonn & Kruger, 1996; Coolahan, Fantuzzo, Mendez, & McDermott, 2000; Burk, 1996). Dari segi perkembangan jangka panjang, pengalaman-pengalaman yang positif dengan rakan-rakan sebaya merupakan satu asas kepada pembentukan kemahiran-kemahiran sosial yang diperlukan untuk interaksi sosial yang sihat selanjutnya.

Menurut Hartup (1992), persahabatan mempunyai fungsi yang penting bagi kanak-kanak. Ia merupakan sumber emosi, sama ada untuk berkongsi keseronokan mahupun untuk membuat penyesuaian kepada tekanan (Ladd, 1999). Ia juga berfungsi sebagai sumber kognitif dari aspek penyelesaian masalah dan perolehan ilmu pengetahuan. Persahabatan juga menyediakan konteks untuk memperolehi dan memantapkan kemahiran-kemahiran sosial. Begitu juga, persahabatan di peringkat awal ini merupakan asas kepada hubungan-hubungan selanjutnya.

Corak Bermain dan Hubungan Rakan Sebaya

Kertas kerja ini akan membincangkan sebahagian hasil daripada satu kajian yang lebih besar yang telah dijalankan untuk melihat corak bermain dan hubungan rakan sebaya di kalangan sekumpulan kanak-kanak semasa mereka berada di prasekolah. Dari segi corak bermain, kanak-kanak ini menunjukkan kecenderungan untuk memilih rakan-rakan tertentu untuk bermain, khususnya rakan-rakan yang sama jantina (Salma, 2000a). Begitu juga, kanak-kanak menunjukkan kecenderungan memilih aktiviti-aktiviti tertentu dan juga pemilihan tempat tertentu untuk bermain bersama-sama dengan rakan-rakan (Salma, 2000b). Daripada kalangan rakan-rakan mereka, kanak-kanak boleh menamakan siapakah rakan baik mereka dan mengapa rakan itu dipilih sebagai rakan baik, dan pemilihan ini agak stabil apabila soalan ini diulangi selepas tempoh lebih kurang lima

bulan. Melalui penilaian rakan sebaya, kanak-kanak boleh dikategorikan sebagai rakan yang sangat popular, popular, dan kurang popular (Salma, 2001).

Sememangnya pengalaman di prasekolah memberi peluang untuk kanak-kanak berinteraksi dengan kanak-kanak lain dalam berbagai bentuk aktiviti, terutama sekali dalam aktiviti bermain. Walau bagaimanapun, tidak semua kanak-kanak mempunyai pengalaman yang positif dan mendapat ramai kawan dan seterusnya berjaya membentuk persahabatan daripada peluang-peluang yang wujud di dalam persekitaran prasekolah. Interaksi bersama rakan-rakan tidak semestinya menghasilkan hubungan yang positif dan seterusnya membawa kepada persahabatan yang berkekalan. Terdapat kanak-kanak yang tidak dipilih sebagai rakan baik, dan ada yang berulang kali dinamakan sebagai rakan yang tidak disukai (Salma, 2001). Siapakah mereka ini, dan mengapakah mereka ini tidak disukai sebagai rakan untuk bermain?

Metodologi Kajian

Bagi tujuan perbincangan kertas kerja ini, tumpuan diberikan kepada aspek-aspek berikut:


- i) Siapakah rakan yang kanak-kanak pilih untuk bermain?
- ii) Siapakah kanak-kanak yang tidak pilih sebagai rakan untuk bermain?
- iii) Apakah sebab-sebab seseorang itu tidak dipilih?

Subjek kajian terdiri daripada sekumpulan kanak-kanak Melayu daripada sebuah kelas prasekolah anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Daripada 27 orang kanak-kanak itu, seramai 20 orang adalah lelaki dan 7 orang adalah perempuan. Semasa data dikumpul, umur purata adalah 5 tahun 7 bulan yang mana yang paling muda berumur 5 tahun 4 bulan dan yang paling tua adalah 6 tahun 3 bulan. Data telah dikumpul melalui temubual dan prosedur sosiometri yang telah dilaksanakan oleh penyelidik sendiri keatas kanak-kanak secara individu. Kedua-dua kaedah pengumpulan data itu dilakukan di dalam kelas secara dua peringkat dengan tempoh masa lebih kurang empat bulan di antara Masa I pada pertengahan tahun persekolahan dan Masa II pada penghujung tahun persekolahan.

Melalui tiga soalan berbentuk terbuka daripada sembilan soalan yang terdapat di dalam temubual, kanak-kanak mengenalpasti siapakah rakan baik mereka, sama ada terdapat rakan yang mereka tidak sukai untuk bermain, dan sebab-sebab mengapa ia tidak disukai. Kanak-kanak diberi kebebasan untuk memberi seberapa banyak nama mereka suka. Prosedur sosiometri pula digunakan untuk mendapatkan penilaian kanak-kanak keatas setiap seorang rakan mereka berhubung dengan sejauhmana seseorang rakan itu sangat disukai, sederhana disukai, ataupun tidak disukai sebagai rakan untuk bermain. Kaedah sosiometri ini menggunakan prosedur yang telah diadaptasi daripada prosedur yang digunakan oleh Fabes dan rakan-rakan (1997) dan Moller dan rakan-rakan (1992). Berpandu kepada gambar kanak-kanak yang berkenaan, subjek diminta menyatakan sama ada kanak-kanak tersebut sangat disukai, sederhana disukai, ataupun tidak disukai. Nilai 3 mata diberi kepada seseorang kanak-kanak yang sangat disukai, nilai 2 mata untuk sederhana disukai, dan nilai 1 mata jika tidak disukai. Berdasarkan jumlah mata yang diperolehi, kanak-kanak itu dikelaskan sebagai golongan sangat popular, popular, dan kurang popular.


Hasil Kajian

Sebuah sosiogram telah dihasilkan untuk menunjukkan corak jawapan subjek kepada soalan mengenai rakan baik. Dari segi pemilihan rakan baik, terdapat pembentukan kelompok rakan sebaya yang jelas di mana wujudnya 2 kelompok pada Masa I (Rajah 1) dan 3 kelompok pada Masa II (Rajah 2). Pada Masa I, wujudnya 2 kumpulan kanak-kanak lelaki dan satu kumpulan yang bercampur jantina. Pada Masa II, hanya tinggal satu kumpulan lelaki setelah satu lagi berpecah untuk bergabung dengan kumpulan yang bercampur jantina. Walau bagaimanapun, di dalam kumpulan campuran ini, masih terdapat pengelompokan berdasarkan jantina. Daripada seramai 26 orang kanak-kanak yang ditemubual, seramai 6 orang dipilih sebagai rakan baik pada kedua-dua masa (SMM, SMR, ANS, LYN, HFZ, dan SRL), 7 dipilih pada Masa I sahaja (FKR, ADH, MUZ, RMN, FRD, ASF, dan AFZ), 7 dipilih pada Masa II sahaja (SDN, NIM, SZN, YSR, FTN, NZM, dan HKL), dan 6 tidak dipilih langsung (IRF, SMI, FDS, KUS, AZR, dan SLA). Walau bagaimanapun, pemilihan ini tidak menggambarkan saling persetujuan (*mutuality*), kecuali bagi 3 pasangan pada Masa I (SMM & NZM; SMR & HKL; ANS & FTN) dan 2 pasangan pada Masa II (ADH & SMM; LYN & ANS).



Rajah 1

Pemilihan rakan baik Masa I



Rajah 2


Pemilihan rakan baik Masa II

Daripada prosedur sosiometri, Rajah 3 menunjukkan kekerapan seseorang kanak-kanak dipilih sebagai rakan yang sangat disukai. SMR, FTN, ASF, ANS, dan FRD menerima penilaian positif yang paling banyak daripada rakan-rakan mereka pada Masa I. Manakala pada Masa II, yang paling banyak menerima penilaian positif adalah FRD, MUZ, SMR, ANS, dan YSR. Sebaliknya, Rajah 4 menunjukkan kekerapan kanak-kanak dipilih sebagai rakan yang tidak disukai. Penilaian negatif paling banyak diterima oleh AZR, KUS, FKR, HFZ, SLA, FTN, dan FDS pada Masa I. Pada Masa II, paling banyak penilaian negatif diterima oleh FDS, AZR, SLA, HFZ, KUS, FKR, dan FTN. Daripada data ini dapat dilihat bahawa kanak-kanak yang sama dipilih pada Masa I dan pada Masa II, iaitu selepas lebih kurang lima bulan berikutnya. Nampaknya, walaupun tempuh lebih kurang 5 bulan telah berlalu, namun kanak-kanak yang sama masih paling kerap dipilih sebagai mereka yang tidak disukai. Di antara mereka yang tidak disukai ini, terdapat empat orang kanak-kanak perempuan. Apabila data ini diteliti, perasaan saling tidak suka antara satu dengan yang lain ini (*mutual dislike*) wujud bagi 39 pasangan pada Masa I dan 36 pasangan pada Masa II. Selanjutnya, daripada pasangan saling tidak suka antara satu dengan yang lain ini, terdapat sebanyak 27 pasangan berlainan jantina pada Masa I (69.2 peratus) dan 25 pasangan pada Masa II (69.4 peratus).



Rajah 3


Kekerapan dipilih sebagai rakan yang disukai



Rajah 4

Kekerapan dipilih sebagai rakan yang tidak disukai

Rakan-rakan yang tidak disukai untuk bermain bersama-sama di prasekolah juga dinamakan melalui temubual dan tanpa berpandu kepada gambar. Pada Masa I terdapat 5 orang kanak-kanak yang tidak menamakan sesiapa, dan pada Masa II terdapat hanya 2 orang yang tidak menamakan sesiapa. Pada Masa I, lebih kurang separuh daripada kanak-kanak mempunyai sekurang-kurangnya seorang daripada rakan mereka yang tidak menyukai mereka. Mereka yang paling kerap dinamakan pada Masa I sebagai rakan yang tidak disukai ialah SMM, LYN, YSR, MUZ, RMN, dan SDN. Pada Masa II, hanya tiga orang kanak-kanak yang tidak ada sesiapa yang tidak menyukai mereka. Kanak-kanak yang paling kerap dinamakan sebagai rakan yang tidak disukai ialah NIM, YSR, ASF, KUS, LYN, dan AZR (Rajah 5). Pada kedua-dua masa, terdapat hanya seorang kanak-kanak perempuan di antara mereka yang tidak disukai.




Rajah 5

Kekerapan dinamakan sebagai rakan yang tidak disukai untuk bermain di prasekolah

Berbagai sebab telah diberikan oleh kanak-kanak mengapa seseorang itu tidak disukai sebagai rakan untuk bermain di prasekolah. Sebab yang paling kerap sekali diberikan ialah berbagai bentuk tingkahlaku yang merupakan serangan fizikal, seperti mencubit, menendang, menumbuk, menampar, memukul, menerajang, dsb. Ataupun tindakan-tindakan fizikal ini dinyatakan secara umum, seperti “Sebab suka dok lawan”, “Suka buat orang”, “Suka kacau orang”, “Suka gaduh” “Pulas tangan/telinga”, dsb. Ada juga yang diserang secara lisan seperti, “Dia marah saya”, “Dia kata macam-macam”, “Suka ejek”, “Dia kata saya bodoh”, dsb. Sekatan-sekatan juga dinyatakan sebagai sebab seseorang kanak-kanak itu tidak disukai. Ini termasuklah “Tidak bagi naik endoi”, “Suruh saya turun endoi”, “Dia tak kawan saya”, “Tak bagi mainan”, dsb. Ciri-ciri personaliti kanak-kanak juga diberi sebagai sebab mengapa ia tidak disukai; di antaranya ialah “Dia buas”, “Dia jahat”, “Sebab kedekut”, “Suka teriak/menangis”, “Sebab dia garang”, “Suka

hisap jari”, “Merajuk bila kena marah”, “Sebab dia perempuan”, “Sekejap kawan, sekejap tak kawan,” dsb. Perasaan terhadap kanak-kanak juga merupakan sebab seseorang itu tidak disukai, seperti “Meluat kat dia”, “Saja tak suka”, “Tak seronok main dengan dia”, dsb. Melainkan empat kenyataan yang mana kanak-kanak tidak dapat memberi sebab tertentu, kesemua sebab yang diberi boleh dikategorikan kepada bentuk tingkahlaku (65.3 peratus), ciri-ciri personaliti (19.5 peratus), perasaan (10.2 peratus), dan lain-lain (5.0 peratus). Rajah 6 menunjukkan taburan sebab-sebab mengikut kategori-kategori tersebut.



Rajah 6

Sebab-sebab tidak suka terhadap rakan

Perbincangan

Daripada hasil kajian yang dibincang di atas, didapati wujudnya hubungan rakan sebaya yang negatif di kalangan kanak-kanak apabila mereka berada di prasekolah. Satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah terdapat kanak-kanak tertentu yang menerima penilaian yang negatif, sama ada ia tidak dipilih sebagai rakan baik, tidak dipilih sebagai rakan yang disukai untuk bermain, dan juga dinamakan sebagai rakan yang tidak disukai. Menurut Coolahan, Fantuzzo, Mendez, dan McDermott (2000), hubungan rakan sebaya yang tidak baik/sihat di peringkat awal kehidupan dikaitkan dengan pelbagai akibat yang negatif pada tahap perkembangan seterusnya. Ini termasuklah penyesuaian emosi yang tidak sempurna, tingkahlaku delinkuen, dan kegagalan dalam pembelajaran di sekolah. Pandangan ini juga dikongsi bersama oleh Brendgen, Little, dan Krappmann (2000) dan Bonn dan Kruger (1996) yang percaya bahawa kanak-kanak yang mempunyai hubungan rakan sebaya yang tidak baik/sesuai dan yang mengalami penolakan (*rejected*) oleh rakan-rakan lain lebih berkemungkinan mempunyai risiko berhadapan dengan pelbagai masalah penyesuaian sosial dan emosi, dan juga kegagalan dalam pembelajaran dan kemudiannya cenderung untuk terus cicir daripada sekolah.

Tingkahtaku-tingkahtaku agresif seperti menendang, menumbuk, memukul, dan menampar yang kerap diberikan sebagai sebab-sebab rakan-rakan tertentu tidak disukai juga menggambarkan satu suasana di sekolah yang tidak sihat. Tingkahtaku seperti ini, jika tidak dikawal dan ditangani dengan berkesan di peringkat awal persekolahan, boleh menjadi langkah permulaan ke arah berbagai tingkahtaku ganas di sekolah, seperti buli-membuli, gangsterisme, peras ugut, dan sebagainya yang menjadi isu yang kerap diperkatakan masa kini.

Kesimpulan

Kertas kerja ini telah membincangkan corak bermain dan hubungan rakan sebaya di kalangan kanak-kanak di sebuah prasekolah. Perkara penting yang ingin diketengahkan ialah terdapatnya aspek-aspek negatif dalam hubungan kanak-kanak semasa mereka bermain dan berinteraksi sesama sendiri. Di dalam masyarakat kita pada masa kini, persekitaran dan pengalaman di prasekolah menyediakan satu konteks yang sangat sesuai untuk sosialisasi. Dari awal kehidupannya, kanak-kanak dalam lingkungan umur empat hingga enam tahun yang menghadiri pusat-pusat asuhan dan juga prasekolah telah didedahkan kepada rakan-rakan yang sebaya ataupun hampir sebaya dengan mereka. Maka, dari awal lagi mereka berpeluang untuk membentuk hubungan-hubungan dengan kanak-kanak lain dan juga orang dewasa-orang dewasa lain selain daripada ahli-ahli keluarga mereka.

Dengan itu, adalah sangat penting usaha-usaha dibuat untuk mengenal pasti dari awal-awal lagi kanak-kanak yang menunjukkan tingkahtaku negatif semasa bermain dan yang berkecenderungan mengalami masalah membentuk hubungan rakan sebaya yang baik. Dengan cara ini, mereka boleh diberi bantuan dan sokongan supaya berupaya membuat interaksi yang berkesan dengan rakan-rakan sebaya mereka dan tidak dipinggirkan. Menurut Ladd (1999), penolakan rakan sebaya (*peer rejection*) merupakan satu ciri yang agak stabil. Oleh yang demikian, seharusnya pengalaman-pengalaman awal ini membolehkan mereka bermain dan berinteraksi secara positif yang boleh menyumbang kepada hubungan-hubungan rakan sebaya yang sihat. Bagi kanak-kanak di prasekolah, Burk (1996) berpendapat bahawa perlunya guru-guru memahami hubungan-hubungan yang sihat di kalangan rakan-rakan sebaya supaya mereka dapat menyediakan persekitaran yang seterusnya boleh menyumbang kepada perkembangan kanak-kanak yang sihat dan juga kepada pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Rujukan

- Babcock, F., Hartle, L., & Lamme, L.L. 1995. Prosocial behaviors of five-year-old children in sixteen learning/activity centers. *Journal of Research in Childhood Education*, 9(2),113-127.
- Bonn, M. & Kruger, P. 1996. Popularity and rejection in children's peer groups: A South African perspective. *Early Child Development and Care*, 125, 1-14.
- Brendgen, M., Little, T.D., & Krappmann, L. 2000. Rejected children and their friends: A shared evaluation of friendship quality? *Merrill-Palmer Quarterly*, 46(1), 45-70.
- Burk, D.I. 1996. Understanding friendship and social interaction. *Childhood Education*, 72(5), 282-285.

Coolahan, K., Fantuzzo, J., Mendez, J., & McDermott, P. 2000. Preschool peer interactions and readiness to learn: Relationships between classroom peer play and learning behaviors and conduct. *Journal of Educational Psychology*, 92(3), 458-465.

Eighth Malaysia Plan 2001-2005. Economic Planning Unit, Prime Minister's Department, Malaysia.

Fabes, R.A., Shepard, S.A., Guthrie, I.K., & Martin, C.L. 1997. Roles of temperamental arousal and gender-segregated play in young children's social adjustment. *Developmental Psychology*, 33(4), 693-702.

Graham, J.A., Cohen, R., Zbikowski, S.M., & Secrist, M.E. 1998. A longitudinal investigation of race and sex as factors in children's classroom friendship choices. *Child Study Journal*, 28(4), 245-265.

Hartup, W.W. 1992. Having friends, making friends, and keeping friends: relationships as educational contexts. Eric Digest, EDO-PS-92-4. <http://ericecece.org/pubs/digests/1992/hartup92.html>

Johnson, J.E., Christie, J.F. & Yawkey, T.D. 1999. *Play and Early Childhood Development*. New York: Longman.

Kagan, S. 1990. Children's play: The journey from theory to practice. In Klugman, E. & Smilansky, S. (Eds). *Children's play and learning: Perspectives and policy implications*, (pp. 173-187). New York: Teachers College Press.

Klugman, E. & Smilansky, S. 1990. Epilogue: Where do we go from here? In Klugman, E. & Smilansky, S. (Eds). *Children's play and learning: Perspectives and policy implications*, (pp. 250-255). New York: Teachers College Press.

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). 2004.

Ladd, G.W. 1999. Peer relationships and social competence during early and middle childhood. *Annual Review of Psychology*, 50, 333-359.

Moiler, L.C., Hyme, S., & Rubin, K.H. 1992. Sex typing in play and popularity in middle childhood. *Sex Roles*, 26(7/8), 331-353.

Ray, G.E. & Cohen, R. 1996. Children's friendships: Expectations for prototypical versus actual best friends. *Child Study Journal*, 26(3), 209-227.

Salma Ishak. 2000a. Choice of play partners among preschool children. Kertas kerja dibentangkan di International Conference: Facing Changes in Early Childhood, 5-7 September 2000, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

_____. 2000b. Promoting and facilitating children's play: Managing children's environment. Kertas kerja dibentangkan di Symposium on Graduate Management Research: Managing Issues and Challenges in the New Millenium, 15-16 November 2000, Universiti Utara Malaysia, Sintok.

_____. 2001. Play and friendship network: Towards young children's well-being. Kertas kerja dibentangkan di PSIMA National Conference 2001, Psychology: Towards Individual Well-being and Self-actualization, 12-14 Julai 2001, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.